

25/11/1999

Pilihan raya bukan masakan: PM

Saodi Mat Atar; Abdul Razak Raaff

JOHOR BAHRU, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat jangan cuba mengubah selera dalam pilihan raya umum kerana ia adalah soal menentukan kerajaan bukan sekadar untuk lima tahun, malah lebih jauh lagi pada masa depan.

Perdana Menteri menasihatkan demikian dengan memberi andaian bahawa pilihan raya umum bukanlah seperti masakan yang boleh diuji kesedapannya terlebih dahulu.

"Kalau ini barang masakan boleh cuba sikit nak tau rasa sedap tak sedap. Tapi ini soal kerajaan dan kalau kita cuba dan rasa tidak sedap, kita kena makan selama lima tahun tidak boleh berhenti.

"Ini soal kerajaan dan akan memerintah selama lima tahun mengikut Perlembagaan, sebab itu jangan sesiapa bercakap nak cuba kerajaan lain selain kerajaan Barisan Nasional (BN)," katanya pada Majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Pu Xze, Skudai, di sini hari ini.

Lebih 5,000 orang menghadiri perhimpunan yang turut dihadiri isteri beliau, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman; dan Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob.

Sehubungan itu, Perdana Menteri meminta rakyat agar memilih dan menyokong BN yang sudah membuktikan kesungguhan membangunkan negara dan menyatupadukan pelbagai kaum sejak merdeka.

Beliau yang berucap panjang lebar mengenai susah payah BN menyatupadukan rakyat pelbagai berbilang kaum dengan dimulakan Perikatan sebelum merdeka lagi, memberi contoh kesilapan dilakukan rakyat Sabah dan Kelantan dalam memilih kerajaan negeri.

Dr Mahathir berkata, pemerintahan Pas di Kelantan menyebabkan negeri itu menjadi termiskin di negara ini, sekali gus mendorong rakyatnya keluar dan mencari nafkah di negeri lain.

Sambil membandingkan tindakan rakyat Kelantan itu seperti warga asing termasuk dari Bangladesh datang mencari pekerjaan di Malaysia, beliau memberi jaminan BN akan memulihkan Kelantan apabila memerintah semula negeri itu.

"Kalaulah Kelantan maju tentulah rakyatnya bekerja dan memajukan negerinya sendiri, sebaliknya ramai rakyat negeri itu berhijrah ke negeri lain seperti Selangor, Johor dan Kedah," katanya.

Dr Mahathir berkata, rakyat Sabah yang mengalami nasib serupa apabila memilih parti lain khususnya Parti Bersatu Sabah (PBS) memerintah negeri itu pada pertengahan 1980-an.

(END)